Utusan Borneo: 26 November 2026

Lelaki mencuri di kedai runcit didenda RM2,500 dan dipenjara

BINTANGOR: Seorang lelaki yang mengaku bersalah mencuri beg pinggang mengandungi wang tunai dan barang kemas dari sebuah kedai runcit di sini dijatuhi hukuman denda RM2,500 dan penjara empat bulan oleh Mahkamah Majistret Sarikei kelmarin.

Ketua Polis Daerah Meradong DSP Tansli Mering berkata, tertuduh Cassdino Raff Rantai dihadapkan ke mahkamah di hadapan Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali bagi menghadapi pertuduhan berkaitan kes kecurian berkenaan.

Menurutnya, kes itu membabitkan laporan polis Bintangor/2464/2026 dan disiasat mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan sebelum tertuduh didakwa mengikut Seksyen 380 dan Seksyen 414 Kanun Keseksaan.

Semasa prosiding mahkamah, tertuduh mengaku



JALANI HUKUMAN: Cassdino disabitkan bersalah di Mahkamah Majistret Sarikei, kelmarin. — Gambar IPD Meradong

bersalah terhadap pertuduhan yang dikemukakan sebelum mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM2,500 berserta penjara sebulan bagi pensabitan atas pertuduhan pertama dan empat bulan bagi pertuduhan kedua.

Kedua-dua hukuman penjara itu diarahkan berjalan serentak bermula dari tarikh reman.

Bagaimanapun Tansli berkata, tertuduh gagal menjelaskan denda yang dikenakan dan perlu menjalani hukuman penjara.

Tertuduh kemudian dihantar ke Penjara Sibu untuk menjalani hukuman.

Tansli berkata, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengingatkan orang ramai supaya sentiasa menghormati undang-undang dan tidak terbabit dalam sebarang kegiatan jenayah.

Beliau menegaskan PDRM tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu yang melakukan kesalahan jenayah dan tindakan tegas akan diambil mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.